


PM tak campur urusan UMNO tentukan calon



Parti dalam Kerajaan Perpaduan diminta saling menyokong pemilihan bagi menangi PRN

Oleh Fahmy A Rosli

fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan tidak akan mencampuri urusan UMNO dalam menentukan calon bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN), 12 Ogos depan.

Perdana Menteri turut mengingatkan setiap parti dalam Ke-



rajaan Perpaduan supaya saling menyokong dan menghormati sesiapa sahaja yang dicalonkan.

Pesanan itu adalah antara inti pati ucapan beliau ketika menghadiri pemukiman anjuran Majlis Perkaderan dan Latihan UMNO di Institut Latihan Memperkasa Ummah (ILMU) di Janda Baik, hujung minggu lalu.

Menurut sumber yang menyertai pemukiman berkenaan, Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu menegaskan tidak akan sesekali mencampuri urusan UMNO memilih calon yang ba-

kal bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang.

Sumber memberitahu, Anwar yang berucap kira-kira dua jam menyerahkan sepenuhnya kepada pucuk pimpinan UMNO untuk menggunakan kaedah atau formula sendiri bagi menentukan calon parti itu.

“Apa yang lebih mustahak adalah Perdana Menteri memberi jaminan akan menyokong sesiapa sahaja calon UMNO yang akan bertanding PRN.

“Beliau mahu setiap parti dalam Kerajaan Perpaduan memamerkan komitmen masing-masing dengan saling menyokong.

“Perdana Menteri juga menegaskan tidak akan mencampuri pemilihan calon PRN mewakili UMNO, sebaliknya memberikan kuasa autonomi kepada parti melakukan pemilihan calon dengan mengguna pakai elemen

WALI, iaitu boleh menang (winnable), diterima (acceptable) dan disukai (likeable).

“Kehadiran Anwar pada pemukiman kali ini umpama hadir untuk menyuntik tonik dan memberikan semangat kepada parti mendepani bahang PRN tidak lama lagi.

“Ini sekali gus menggambarkan betapa akrabnya jalinan kerjasama antara parti dalam Kerajaan Perpaduan, terutama bagi menghadapi pilihan raya buat kali pertama secara bersama dengan gabungan parti yang pernah bermusuhan selama ini,” katanya kepada *BH*.

Difahamkan, hanya Anwar yang menghadiri pemukiman itu dan tanpa disertai pimpinan parti komponen PH lain.

Program itu disertai seluruh

pimpinan UMNO, termasuk Presidennya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan ketua bahagian.

Memetik hantaran Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, yang dimuat naik di Facebook semalam, pengumuman pemukiman itu antara lain bertujuan memupuk semangat setia kawan yang tinggi dalam kalangan pimpinan.

“Ia bertujuan membentuk satu pasukan yang dinamik, jitu dan mantap,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang berkata, ciri yang digariskan itu penting bagi menghadapi cabaran mendatang.

“Semoga pemukiman ini mencapai matlamat untuk UMNO terus berdiri teguh serta membawa obor perjuangan demi agama, bangsa dan tanah air,” katanya.